

LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN

TAJUK:

**PETUALANG DAN PENSUBAHAT KOLONIAL
BRITISH DALAM KANCAH KONTROVERSI
PENJAJAHAN SARAWAK, 1946-1950**

KOD PROJEK:
FRG0066-SS-1/2006

PENYELIDIK:
NORDI BIN ACHIE
(20032623-1020)

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007/2008**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINOPSIS

Pada 1 Julai 1946, Sarawak mengalami proses politik songsang: Charles Vyner Brooke (Raja Brooke Ke-3) telah dipaksa menyerahkan Sarawak kepada kerajaan kolonial British. Ini mengakibatkan Sarawak dijadikan sebagai tanah jajahan British lantas menghapuskan taraf Sarawak sebagai sebuah negeri merdeka; padahal di sepanjang regim dinasti Brooke (1841-1941), Sarawak diiktiraf sebagai negeri naungan British, bukannya tanah jajahan British. Rakyat Sarawak yang berjiwa nasionalistik dan patriotik, sekali gus bersikap antikolonialis dan antiimperialis, bangkit menentang penyerahan Sarawak. Mereka menyelarnya sebagai “penyerahan haram”. Apabila dikaji secara mendalam, berdasarkan saksi-saksi sejarah yang tersisa, jelas isu penyerahan dan penjajahan Sarawak diselubungi pelbagai politiking - ugutan, ancaman, paksaan, muslihat, rasuah, tipu daya, helah kotor dan pujuk rayu - di samping munculnya petualang dan pensubahat politik kolonial, termasuklah dalam kalangan pemimpin serta pembesar tempatan. Dalam konteks kemelut politik ini - pertentangan *diametrikal* antara penjajah dengan patriot antikolonial - muncullah “syahid-syahid hidup” yang sanggup berkorban demi mempertahankan maruah dan martabat kemerdekaan tanah airnya. Tragedi politik ini bukan sahaja mencacatcemarkan kemerdekaan Sarawak, malah memberdarahkan potret sejarah Sarawak yang tidak pernah terfikirkan selama ini dan sebelumnya, iaitu apabila Rosli Dhoby menikam Duncan Steward (Gabenor Sarawak Ke-2) pada 3 November 1949 (tragedi berdarah di Sibu). Inilah harga yang harus dibayar oleh seluruh empayar British yang malang itu.

SYNOPSIS

On the 1st July 1946, Sarawak went through an inverse political process when Charles Vyner Brooke known as the 3rd White Rajah Brooke was made to cede Sarawak to the British Crown. As a result, Sarawak's status as an independent state was wrenched from its people turning it into a British colony instead. Well-over during the Brooke regime, it is known as a protected state under the British, not as a colonize state. This resulted provoking protests and demonstrations from the people of Sarawak, especially those with anticolonialism and antiimperialism. Several freedom fighters emerged to lead the people against this handover and to defend the honour and reputation of their land; which caused the bloody stirrings of democracy to Sarawak. The anticession movement has lead to the assassination of the British Governor, Duncan Steward (2nd Governor of Sarawak) by Rosli Dhoby, on the 3rd November 1949: a price that has to be paid by the British Empire.